

LAWATAN CHIEF OF AIR STAFF INDIAN AIR FORCE, AIR CHIEF MARSHAL B S DHANOA KE PANGKALAN UDARA SUBANG

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3869-lawatan-chief-of-air-staff-indian-air-force-air-chief-marshall-b-s-dhanoa-ke-pangkalan-udara-subang

SUBANG, 6 Sep 18 – Pangkalan Udara Subang telah menerima kunjungan oleh Chief of Air Staff Indian Air Force, Air Chief Marshal B S Dhanoa pada hari ini. Ketibaan beliau telah disambut oleh PANGWILUD 1, YBhg Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM, Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Hj Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM serta semua barisan Eksekutif Pangkalan yang lain di Markas Pangkalan Udara Subang.

Beliau telah diberi taklimat berkenaan pangkalan di Bilik Mesyuarat Pangkalan oleh Pegawai Laksana, Kol Mohd Azwan bin Mohd Pohari TUDM. Setelah selesai sesi taklimat, sesi bergambar dan pertukaran plaka, beliau telah dibawa ke Wisma Perwira PU Subang untuk jamuan tengah hari dan disusuli dengan lawatan ke Pusat Penyelidikan dan Latihan Simulator G (PULLS-G).



